

**PERATURAN PEMARKAHAN
PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM
B. MELAYU
KERTAS 2
TAHUN 2020**

**SMK AGAMA KERIAN
TAHFIZ MODEL ULUL ALBAB**

Markah penuh : 110 markah

Soalan 1

Markah penuh 30 dibahagikan kepada

- a) Isi - 20 markah
- b) Bahasa - 10 markah

a) **Isi** [20 markah]

Nota :

- i. Panduan mengira perkataan
Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan
 - nama khas
 - perkataan berganda
 - penggunaan kata sendi di dan ke
 - tarikh
 - angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
 - gelaran
- ii. Kira dan tandakan jawapan calon setakat 120 patah perkataan sahaja sebelum diperiksa.
- iii. Periksa jawapan calon setakat 120 perkataan sahaja, yang selebihnya tidak perlu diperiksa. (tambah 3-4 perkataan sahaja)
- iv. Berikan markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

Bahagian	Markah										Markah Maksimum
(i) Pendahuluan											2
(ii) Isi Tersurat	4	5	6	7	8	9	10	11	12	16	
(iii) Isi Tersirat	12	11	10	9	8	7	6	5	4		
(iv) Penutup/ Kesimpulan											2
	Jumlah Markah										20

PERATURAN PEMARKAHAN PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM B. MELAYU K2 2020
SMK AGAMA KERIAN TMUA

b) **Bahasa** [10 markah]

Asas pemberian markah bahasa tertakluk pada markah isi seperti yang dinyatakan dalam jadual yang berikut :

Peringkat	Markah Isi	Markah Bahasa	Kriteria
Baik	18 - 20 15 - 17	9 - 10 7 - 8	<ul style="list-style-type: none">• Kesenambungan isi baik• Struktur ayat/ tatabahasa baik• Kosa kata luas• Tanda baca/ ejaan betul
Sederhana	12 - 14 8 - 11	6 - 7 4 - 5	<ul style="list-style-type: none">• Kesenambungan isi masih baik• Struktur ayat/ tatabahasa masih memuaskan• Kosa kata masih memuaskan• Tanda baca/ ejaan juga memuaskan
Lemah	1 - 7	1 - 4	<ul style="list-style-type: none">• Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan/ tidak memuaskan

Nota :

- i. Jika bahasanya agak baik, **tambah 1 markah** lagi.
- ii. Jika bahasanya kurang memuaskan, **tolak 1 markah**.
- iii. Jika **disalin bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat walaupun jumlah perkataan **kurang daripada 120** patah perkataan, berikan **0 markah**.
- iv. Jika rumusan **kurang daripada 120** patah perkataan, **markah tidak dipotong**.

[Maksimum: 10 markah]

Soalan 1 : Rumusan

Pendahuluan [2 markah]

Pendahuluan	Jawapan	Markah
P1	Petikan membincangkan sebab / punca yang menggalakkan perkembangan industri pelancongan di Malaysia.	2
P2	Rumusan membincangkan sebab / punca yang menggalakkan perkembangan industri pelancongan dan manfaat industri pelancongan kepada negara.	2
P3	Petikan / Rumusan membincangkan sebab / punca yang menggalakkan perkembangan industri pelancongan.	1
P4	Petikan / Rumusan membincangkan faktor-faktor yang menggalakkan perkembangan industri pelancongan dan manfaat industri pelancongan kepada negara.	0
P5	Petikan membincangkan faktor-faktor yang menggalakkan perkembangan industri pelancongan di Malaysia.	0

Isi Tersurat [4 hingga 12 markah]

(Faktor-faktor yang menggalakkan perkembangan industri pelancongan)

Isi Tersurat	Jawapan	Markah
S1	Rakyatnya yang terdiri daripada pelbagai kaum dan hidup bersatu padu	2
S2	Kemudahan pengangkutan yang semakin maju	2
S3	Kemudahan membeli-belah yang disediakan	2
S4	Keadaan iklim semula jadi yang panas sepanjang tahun	2
S5	Kepelbagaian bentuk muka bumi yang menarik	2
S6	Pantai-pantai dan pulau-pulau yang masih belum tercemar	2
S7	Wujudnya keunikan budaya	2
S8	Peranan pihak kerajaan dan agensi kerajaan yang berkaitan dengan pelancongan	2

Isi Tersirat [4 hingga 12 markah]

(Manfaat industri pelancongan kepada negara)

Isi Tersirat	Jawapan	Markah
T1	Sumber pendapatan negara/ meningkatkan ekonomi negara	2
T2	Membuka peluang pekerjaan yang lebih luas/ kadar pengangguran lebih rendah	2
T3	Lebih banyak infrastruktur/ prasarana disediakan	2
T4	Mengetengahkan budaya tradisional negara kepada pelancong asing/ memperkenalkan keunikan budaya	2
T5	Memajukan produk industri tempatan / industri kraf tangan / industri hiliran/ IKS	2
T6	Meningkatkan imej negara/ mengharumkan nama negara/ menaikkan nama negara/ negara menjadi terkenal	2

(Isi-isi tersirat yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)

Kesimpulan [2 markah]

Kesimpulan	Jawapan	Markah
K1	Kesimpulannya, kerajaan hendaklah menggalakkan perkembangan industri pelancongan agar dapat memajukan negara.	2
K2	Kesimpulannya, faktor-faktor yang menggalakkan perkembangan industri pelancongan perlu dititikberatkan oleh pelbagai pihak kerana banyak faedah yang akan diperoleh.	1
K3	Kesimpulannya, perkembangan industri pelancongan sangat penting agar dapat memajukan negara.	0

(Kesimpulan yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)

Soalan 2 : Pemahaman

Markah penuh **35** markah dibahagikan kepada

Soalan 2(a) : **9** markah

Soalan 2(b) : **9** markah

Soalan 2(c) : **8** markah

Soalan 2(d) : **9** markah

Perhatian bagi soalan 2(a) hingga Soalan 2(d)

1. Jawapan hendaklah menggunakan **ayat sendiri**.
2. Jawapan hendaklah dalam **ayat yang lengkap/ sempurna**.
3. Jika **disalin bulat-bulat** daripada teks dan jawapan itu **betul, berikan separuh (50%)** daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman

1. Soalan 2 markah: (2 isi cukup)

DESKRIPSI	MARKAH
- Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup dan ayat gramatis	2
- Jawapan tepat tetapi ayat tidak gramatis	1
- Jawapan kurang tepat / isi tidak cukup tetapi ayat gramatis	
- Jawapan tidak tepat / salah	0

2. Soalan 3 markah: (2 isi cukup)

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup dan lengkap / relevan dengan tugas dan ayat gramatis	3
- Isi cukup dan lengkap / relevan tetapi ayat kurang gramatis	2
- Isi tidak cukup / kurang lengkap dan ayat gramatis	
- Isi tidak cukup / kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	1
- Isi tidak betul / tidak relevan dengan tugas, ayat gramatis	0

3. Soalan 4 markah: (3 isi cukup)

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup dan lengkap / relevan dengan tugas dan ayat gramatis	4
- Isi cukup dan lengkap / relevan tetapi ayat kurang gramatis	3
- Isi tidak cukup / kurang lengkap dan ayat masih gramatis	2
- Isi tidak cukup / kurang relevan dan ayat kurang gramatis	1
- Isi tidak betul / tidak relevan dengan tugas, ayat gramatis	0

Soalan 2(a) : Petikan Umum

(i) Maksud rangkai kata *mendorong kemasukan* ialah

- mempengaruhi/ menggalakkan/ menyebabkan/ kedatangan/ kehadiran 2
- mempengaruhi/ menggalakkan/ menyebabkan *kemasukan* 1
- *mendorong* kedatangan/ kehadiran 1

(ii) Faktor-faktor yang menjadikan Malaysia semakin disanjung tinggi di peringkat antarabangsa ialah tersebut (TERIMA)

- P1 negara kita mencapai kemajuan dalam pelbagai aspek 1
- P2 ekonominya yang mantap 1

[Maksimum: 3 markah]

[Isi cukup: 2 isi]

(iii) Cabaran-cabaran yang dihadapi dalam memajukan sektor pelancongan negara kita ialah

- P1 ketidakstabilan politik negara akan menjejaskan imej negara 1
- P2 pencemaran alam sekitar yang tidak terkawal terutama di kawasan tumpuan pelancong 1
- P3 persaingan industri pelancongan dengan negara lain 1
- P4 kejatuhan nilai ringgit mengganggu kelancaran tukaran wang asing 1
- P5 ancaman pengganas mengganggu keselamatan di kawasan tarikan pelancongan 1
- P6 masyarakat tidak memberikan kerjasama untuk menyokong usaha kerajaan 1
- P7 masyarakat melakukan vandalisme sehingga merosakkan kemudahan sedia ada 1
- P8 pihak swasta tidak mahu membuat pelaburan dalam industri ini kerana berisiko tinggi 1
- P9 kekurangan modal untuk melengkapkan prasarana 1

(Cabaran yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum: 4 markah]

[Isi cukup: 3 isi]

Soalan 2(b) : Petikan Prosa Moden - Cerpen

- (i) **Bonda mengatakan bahawa kota besar itu sudah hilang nilai-nilai tradisinya kerana**

P1	sarat dengan api prasangka	1
P2	runcing prejudis para warganya yang berbilang bangsa	1
P3	bercampur aduk pula bahasa dan pertuturannya	1
P4	manusia dipisahkan oleh benteng-benteng ketaksuban dan kepentingan diri masing-masing	1
P5	mereka dipecah-pecahkan oleh ideologi, puak dan etnik, warna kulit, bahasa percakapan serta fahaman politik	1

[Maksimum: 2 markah]

[Isi cukup: 2 isi]

- (ii) **Pada pendapat saya, persiapan-persiapan yang perlu dilakukan sebelum seseorang itu berhijrah ke bandar ialah**

P1	mempelajari budaya tempat baharu	1
P2	mempunyai jati diri yang kukuh agar tidak mudah terpengaruh	1
P3	mencari maklumat tentang tempat yang ingin dituju	1
P4	melengkapkan diri dengan ilmu agama	1
P5	melengkapkan diri dengan pelbagai ilmu pengetahuan	1

(Persiapan yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum: 3 markah]

[Isi cukup: 2 isi]

- iii) **Persoalan dalam petikan cerpen**

- P1 **Persoalan ketaatan seorang anak terhadap nasihat ibunya**
Contohnya, Mel taat dan akur akan nasihat bondanya sehingga berkali-kali menangguhkan hasratnya untuk berhijrah ke kota. Dia berbuat demikian agar beroleh keberkatan dalam kehidupan. [1+1]
- P2 **Persoalan sikap prasangka dalam kalangan masyarakat**
Contohnya, masyarakat di kota hidup dalam keadaan berprasangka. Sikap ini dapat mengakibatkan persengketaan antara satu sama lain. [1+1]
- P3 **Persoalan sikap mementingkan diri dalam kalangan masyarakat**
Contohnya, masyarakat di kota dipisahkan oleh benteng-benteng ketaksuban dan kepentingan diri masing-masing. Sikap ini dapat mengakibatkan kita tidak akan disenangi oleh orang sekeliling. [1+1]

- P4 Persoalan peranan penjajah dalam usaha memecahbelahkan rakyat sesebuah negara**
Contohnya, pihak penjajah telah menjalankan sistem pecah dan perintah agar agihan kekayaan negara tidak berlaku secara adil hingga menimbulkan rusuhan kaum. [1+1]

Persoalan lain daripada cerpen tersebut yang tidak terdapat dalam petikan

- K1 Persoalan kepentingan mengekalkan warisan budaya dan jati diri**
Contohnya, ibu Mel mengingatkan Mel supaya tidak melupakan agama dan bahasa kerana hanya itulah warisan yang masih ada. [1+1]
- K2 Persoalan tentang semangat cinta akan negara**
Contohnya, bonda mengingatkan Mel agar mencintai agama dan budaya kerana kedua-duanya merupakan cermin maruah yang ditinggalkan oleh nenek moyang. [1+1]
- K3 Persoalan kecekalan dalam melakukan sesuatu pekerjaan agar mendapat hasil yang baik**
Contohnya, anak-anak bangsa pada zaman dahulu cekal dan berani meneroka hutan untuk dijadikan bandar pelabuhan yang terkenal. [1+1]
- K4 Persoalan kesungguhan dalam melakukan sesuatu perkara yang diinginkan**
Contohnya, 'saya' meminta izin ibunya sekali lagi apabila sudah lebih bersedia untuk tinggal di kota walaupun hasratnya itu pernah ditolak oleh ibunya. Dia tidak berputus asa selagi hasratnya belum tercapai. [1+1]
- K5 Persoalan keinginan untuk hidup berdikari**
Contohnya, Mel mahu meninggalkan kampung halaman dan berhijrah ke kota besar untuk meneruskan kehidupan tanpa bergantung pada orang tuanya. [1+1]
- K6 Persoalan keinginan anak muda berhijrah ke bandar untuk membina kehidupan**
Contohnya, Mel memohon keizinan ibunya untuk berhijrah ke bandar bagi membina kehidupannya seperti kebanyakan remaja lain. [1+1]
- K7 Persoalan ketekunan anak muda mempelajari segala ilmu untuk meneruskan kehidupan**
Contohnya, Mel tekun belajar pelbagai ilmu yang berkaitan dengan kehidupan sebelum berhijrah ke bandar. Antaranya, dia telah mengkaji teks Sejarah Melayu dan Hikayat Hang Tuah serta membaca banyak buku lama milik ibunya untuk meningkatkan pengetahuan agar tidak mudah terpedaya. [1+1]

K8 Persoalan kebimbangan seorang ibu terhadap anaknya

Contohnya, ibu keberatan untuk melepaskan Mel ke bandar kerana bimbang Mel terpengaruh akan budaya negatif yang telah menular dalam kalangan remaja di bandar. [1+1]

K9 Persoalan sikap hemah tinggi dalam diri seseorang

Contohnya, Mel menjaga tutur kata apabila berkomunikasi dengan ibunya dan tidak membantah apabila ibunya melarang dirinya berhijrah ke kota. [1+1]

K10 Persoalan sikap amanah dalam melaksanakan sesuatu tugas

Contohnya, Mel menyerahkan beg berisi puluhan kitab lama yang dikirim oleh bonda kepada Munsyi. [1+1]

(Persoalan yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum: 4 markah]

[Isi cukup: 2 isi (P + K)]

Soalan 2(c) : Petikan Prosa Tradisional

(i) Maksud *berlengkap akan mengeluari* ialah

- | | |
|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---|
| - bersiap sedia/ bersedia/ bersiap untuk menentang/ menyekat/ menghalang/ menahan/ melawan/ memerangi/ menyerang/ mengusir/ menghalau | 2 |
| - <i>berlengkap akan</i> menentang | 1 |
| - <i>berlengkap</i> untuk <i>mengeluari</i> | 1 |
| - bersedia <i>akan mengeluari</i> | 1 |
| - <i>berlengkap</i> untuk menentang | 1 |
| - bersedia untuk <i>mengeluari</i> | 1 |
| - bersedia <i>akan</i> menentang | 1 |

(ketiga-tiga frasa betul – 2m)

(ii) Tindakan Sultan Melaka setelah menerima perkhabaran bahawa orang Siam akan datang untuk menyerang Melaka ialah

- | | | |
|----|------------------------------------------------------------------------------------|---|
| P1 | menitahkan Bendahara Paduka Raja berlengkap | 1 |
| P2 | bersiap sedia mengeluari orang Siam | 1 |
| P3 | menitahkan Seri Bija Diraja dan segala hulubalang mengiringi Bendahara Paduka Raja | 1 |

[Maksimum: 3 markah]

[Isi cukup: 2 isi]

(iii) Ciri-ciri yang perlu ada dalam diri seorang pemimpin yang ideal ialah

- | | | |
|----|--------------------------------------------------------------------------|---|
| P1 | Bijaksana dan berkebolehan dalam menyelesaikan masalah | 1 |
| P2 | Berani dan bersungguh dalam menyahut cabaran dan permasalahan | 1 |
| P3 | Berinisiatif untuk melakukan sebarang tindakan tanpa menunggu arahan | 1 |
| P4 | Kreatif dalam menyelesaikan sesuatu isu | 1 |
| P5 | Bersedia menerima dan memberi pendapat | 1 |
| P6 | Mempunyai kebolehan berkomunikasi | 1 |
| P7 | Mempunyai jati diri yang unggul/ adil/ amanah/ saksama/ bertanggungjawab | 1 |

(Terima jawapan lain yang relevan)

[Maksimum: 3 markah]

[Isi cukup: 2 isi]

Soalan 2(d) : Sajak

(i) Maksud yang ingin disampaikan dalam rangkap kedua sajak di atas ialah

- | | | |
|----|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---|
| P1 | penyajak menjelaskan bahawa makanan yang diberikan iaitu rumput dan jerami menjadi habuan kerana kesetiaan yang ditunjukkan oleh kuda itu dan makanan itu dimakan dengan rakus tatkala lapar | 1 |
| P2 | kuda tersebut tidak mempedulikan nasib diri setelah kenyang, iaitu menjadi tunggangan si penjaga kuda untuk memburu kuda-kuda yang lain | 1 |

[Maksimum: 2 markah]

[Isi cukup: 2 isi]

(ii) Pada pendapat saya, ciri-ciri yang perlu ada dalam diri seorang pemimpin agar dihormati dan disegani ialah

- | | | |
|----|------------------------------------------------------------------------------------|---|
| P1 | seorang pemimpin perlu mempunyai personaliti yang baik | 1 |
| P2 | bersedia menerima teguran dan kritikan yang membina | 1 |
| P3 | mempunyai daya fikiran jauh ke hadapan atau berwawasan | 1 |
| P4 | mempunyai inisiatif atau tindakan yang dimulakan sendiri tanpa menunggu orang lain | 1 |
| P5 | kebolehan berkomunikasi secara berkesan | 1 |
| P6 | mempunyai integriti | 1 |
| P7 | mempunyai pegangan agama yang kukuh | 1 |

(Ciri yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum: 3 markah]

[Isi cukup: 2 isi]

(iii) Pengajaran yang terdapat dalam sajak tersebut ialah

- | | | |
|----|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------|
| P1 | Kita mestilah berani menghadapi pelbagai rintangan tanpa mudah berputus asa
Contoh/ Huraian: Penjaga kuda berani menempuh berbagai-bagai kepayahan dan rintangan sewaktu menjaga kuda-kuda itu. Dia berani mengawal kudanya dengan menggunakan cemeti. | [1+1] |
| P2 | Kita perlulah gigih berusaha dalam melaksanakan tugas
Contoh/ Huraian: Sang gembala kuda sangat gigih dalam melaksanakan tugasnya memburu kuda-kuda liar/ demi memastikan kuda-kudanya dikandangkan. | [1+1] |

PERATURAN PEMARKAHAN PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM B. MELAYU K2 2020
SMK AGAMA KERIAN TMUA

- P3 Kita sewajarnya patuh akan arahan dan suruhan ketua demi keharmonian sesebuah organisasi
Contoh/ Huraian: Sekumpulan kuda digambarkan patuh akan arahan penjaga kuda sehingga terus bekerja keras dan terus ditunggang oleh si gembala kuda walaupun dirinya sudah kepenatan. [1+1]
- P4 Kita hendaklah bijak dalam merancang dan menjalankan tugas dengan baik dan sempurna
Contoh/ Huraian: Penjaga kuda bijak mengawal kuda tunggangannya ketika dia menghalau kuda-kuda itu masuk ke kandang. [1+1]
- P5 Kita hendaklah berjuang demi kebenaran
Contoh/ Huraian: Penyajak berjuang atas kebenaran demi menegakkan keadilan dan menentang semua kebobrokan. [1+1]
- P6 Kita hendaklah berani menghadapi halangan/ kesukaran dalam mengendalikan sesuatu pekerjaan yang dilakukan
Contoh/ Huraian: Sang Gembala Kuda sanggup meredah onak ketika memburu kuda. [1+1]
- P7 Kita haruslah bersikap tegas ketika menjalankan tugas
Contoh/ Huraian: Sang Gembala Kuda mampu mengawal kuda-kuda kerana dia bersikap tegas/ Sang Gembala Kuda menggunakan kuasa yang ada padanya dan sesekali menggunakan suaranya yang kuat untuk menakutkan kuda-kuda itu. [1+1]

[Maksimum: 4 markah]
[Isi cukup: 3 isi / 2 isi (1+1)]

Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

Markah penuh dibahagikan kepada

Soalan 3(a) : **6** markah

Soalan 3(b) : **6** markah

Soalan 3(c) : **6** markah

Soalan 3(d) : **6** markah

Soalan 3(e) : **6** markah

Perhatian bagi soalan 3(a)

1. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul.
2. Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan/ jalan bahasa/ tanda baca daripada keseluruhan soalan.
3. Perkataan berkenaan digunakan sebagai peribahasa, berikan 0 markah.
4. Perkataan digunakan sebagai nama khas, berikan 0 markah.
5. Sengaja menambah imbuhan, berikan 0 markah.
6. Isi tidak jelas, berikan ½ markah.
7. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, tolak ½ markah bagi setiap ayat.
8. Jika semua perkataan digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.
9. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya.

Jawapan 3(a)

(i) menjalani;

1. mengalami, melalui
Cth : *Dia telah menjalani satu pembedahan.*

(ii) menjalankan;

1. mengusahakan (membuat) supaya berjalan (kereta, kereta api, mesin, perniagaan, dll)
Cth : *Dia cuba menjalankan kereta itu tetapi tidak berjaya.*
Sesudah ayahnya meninggal, Alilah yang menjalankan perusahaan itu.
2. mengerjakan (tugas dll), melaksanakan
Cth : *Pak Leman tidak berasa susah atau berat untuk menjalankan tugasnya sebagai seorang penarik beca.*

(iii) menaiki;

1. memanjat, mendaki
Cth : *memanjat gunung, menaiki takhta*
2. pergi dengan kenderaan, mengenderai, menunggang
3. memasuki rumah (dengan menggunakan tangga)
4. mulai mendiami rumah (baru)

(iv) menaikkan;

1. menjadikan naik (tinggi), meninggikan
Cth : *menaikkan layang-layang*
2. membawa ke tempat tinggi
3. meletakkan ke atas kenderaan (kereta, gajah, perahu, dll)
Cth : *Kuli-kuli sedang menaikkan barang ke kapal*
4. menjadikan lebih tinggi (pangkat, gaji, taraf hidup, dll)
5. menjadikan bertambah tinggi (semangat, kemarahan, dsb)
Cth : *Kata-kata perangsang itu menaikkan semangatnya untuk belajar bersungguh-sungguh lagi.*
6. menjadi naik (kembang, berkenaan adunan kuih, dsb)
Cth : *Serbuk penaik dicampurkan untuk menaikkan adunan kuih itu.*

(v) menemui;

1. bertemu dengan, berjumpa dengan
2. pergi bertemu dengan, mengunjungi, menziarahi, melawat,
Cth : *Aku pergi menemui seorang guru pelatih.*
3. = **menemukan** berjumpa dengan apa yang dicari dll, mendapat, mendapati
Cth : *Polis kemudiannya telah menemui kereta yang digunakan oleh perompak-perompak tersebut.*
4. = **menemukan** mengalami (kesulitan dll), menderita, merasai
5. mengetahui bahawa ada (apa yang tersembunyi dll), mengetahui ada, mendapati
6. bertemu menjadi satu (bersentuhan dll), menghubungi
7. ark memenuhi (undangan dll), menepati
Cth : *Ia tidak pernah menemui janjinya.*

(vi) menemukan

1. = **menemui** mendapati, menjumpai
2. mendapati atau menjumpai (sesuatu yang tersembunyi, belum diketahui lagi)
3. mencari sesuatu yang sesuai (cocok, padan)

[6 markah]

Jawapan 3(b)

Ayat bersusunan biasa kepada ayat bersusunan songsang

(i) Peserta pertandingan pidato itu sungguh petah berbicara.

- Sungguh petah berbicara peserta pertandingan pidato itu.

(ii) Keropok lekor sangat popular di Terengganu kerana rasanya yang enak.

- Sangat popular keropok lekor di Terengganu kerana rasanya yang enak.
- Di Terengganu, keropok lekor sangat popular kerana rasanya yang enak.
- Kerana rasanya yang enak, keropok lekor sangat popular di Terengganu.
- Sangat popular di Terengganu kerana rasanya yang enak keropok lekor.
- Sangat popular di Terengganu keropok lekor kerana rasanya yang enak.

(iii) Negeri-negeri di Pantai Timur dilanda banjir disebabkan hujan lebat yang berterusan.

- Dilanda banjir negeri-negeri di Pantai Timur disebabkan hujan lebat yang berterusan.
- Disebabkan hujan lebat yang berterusan, negeri-negeri di Pantai Timur dilanda banjir.
- Dilanda banjir disebabkan hujan lebat yang berterusan negeri-negeri di Pantai Timur.

[6 markah]

Jawapan 3(c)

Kesalahan ejaan dan imbuhan

- | | | | |
|-------|----------------|---|----------------|
| (i) | korperat | - | korporat |
| | diberikan | - | memberikan |
| (ii) | kampong | - | kampung |
| | tercurah-curah | - | mencurah-curah |
| (iii) | rappthai | - | raptai |
| | persembahan | - | persembahan |

[6 markah]

Jawapan 3(d)

Kesalahan penggunaan kata atau istilah dan tatabahasa

- | | | | |
|-------|----------------|---|----------------|
| (i) | mewah | - | megah |
| | dan | - | atau |
| (ii) | berangkat | - | balik / pulang |
| | di | - | pada |
| (iii) | terhumban | - | terhempas |
| | digital kamera | - | kamera digital |

[6 markah]

Jawapan 3(e)

Peribahasa

- | | | |
|-------|---------------------------------------------------------|---|
| (i) | rambang mata | 2 |
| (ii) | menanggung di air keruh/ menahan lukah di pergentingan | 2 |
| (iii) | seperti kacang lupakan kulit/ seperti ulat lupakan daun | 2 |

[6 markah]

Soalan 4 : Novel
Markah penuh **15** markah

Panduan pemarkahan bagi Soalan 4

- (a)
- i) Jawapan berdasarkan sebuah novel yang dipelajari.
 - ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
 - iii) Berikan 1 markah bagi setiap **nilai kemanusiaan** yang betul/ jelas/ tepat.
 - iv) Berikan 1 markah bagi setiap huraian atau penjelasan/ contoh/ peristiwa nilai kemanusiaan yang betul/ jelas/ tepat.
 - v) Markah isi maksimum 4 markah. (Maksimum 2 markah bagi setiap nilai kemanusiaan)
 - vi) Markah bahasa maksimum 3 markah.
 - vii) Markah bahasa diberi secara *impression*.
 - Baik : 3 markah
 - Sederhana : 2 markah
 - Lemah : 1 markah
 - viii) Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa.
 - ix) Calon yang tidak menjawab 0 markah.

[Maksimum: 7 markah]

- (b)
- i) Jawapan berdasarkan **dua** buah novel yang dikaji.
 - ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
 - iii) Berikan 1 markah bagi setiap **perwatakan kebijaksanaan** yang lengkap/ jelas/ betul.
 - iv) Berikan 2 markah bagi setiap peristiwa/ contoh/ huraian/ penjelasan yang lengkap/ jelas/ betul.
 - v) Markah isi maksimum 6 markah. (maksimum 3 markah bagi setiap contoh peristiwa yang berkaitan dengan perwatakan kebijaksanaan)
 - vi) Markah bahasa maksimum 2 markah.
 - vii) Markah bahasa diberi secara *impression*.
 - Baik : 2 markah
 - Lemah : 1 markah
 - viii) Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa.
 - ix) Calon yang tidak menjawab 0 markah.

[Maksimum: 8 markah]

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT

- (a) Berdasarkan sebuah novel yang telah anda pelajari, huraikan **dua** nilai kemanusiaan yang terdapat dalam novel tersebut.

- **Nilai kemanusiaan – 1m**
- **Contoh / huraian – 1m**

Novel Tingkatan 4 - Jendela Menghadap Jalan karya Ruhaini Matdarin

1. **Nilai kasih sayang**
 - Nenek dan datuk melayan Lili dengan penuh kasih sayang semasa Lili bercuti di kampung.
2. **Nilai keyakinan**
 - Keyakinan Datuk terhadap perubatan secara tradisional yang diusahakannya selama ini merupakan perubatan alternatif kepada pesakit yang datang menemuinya iaitu Kak Mimah dan William Ng dan Mak cik Lechutmi
3. **Nilai keprihatinan**
 - Lili prihatin akan nasib Rafik dan Haziq yang berpunca daripada kepincangan rumah tangga Che Jah Walaupun mereka menculik Lili namun Lili menziarahi Che Jah untuk mendapat maklumat latar belakang Haziq dan Rafik bagi membantu menyelesaikan masalah mereka.
 - Penduduk kampung prihatin terhadap masalah yang berlaku dalam kampung mereka seperti kecurian, aktiviti haram, rayuan menjual tanah dan sebagainya. Justeru mereka berusaha menyelesaikan masalah walaupun ada antaranya menggunakan cara kekerasan dan kurang sesuai.
4. **Nilai ketaatan**
 - Datuk menghabiskan masa selepas solat berjemaah dengan berzikir dan membaca kitab dua tiga halaman.
5. **Nilai baik hati**
 - Danel sering datang ke rumah nenek untuk membantu nenek masak dan mengganggap masakan nenek sedap.
 - Datuk menggunakan kepakarannya dalam bidang perubatan tradisional untuk membantu orang yang mempunyai masalah kesihatan. Usaha datuk telah berjaya sebagai perubatan alternatif untuk menyembuhkan penyakit selain berubat secara perubatan moden.
6. **Nilai keberanian**
 - Danel berani menyelamatkan Lili yang diculik oleh Haziq dan Rafiq.

7. Nilai kegigihan

- Datuk gigih mempertahankan perubatan tradisional contohnya beliau sanggup masuk hutan waktu malam ke hutan untuk mencari akar kayu sebagai ramuan perubatan tradisionalnya.

8. Nilai kesabaran

- Che Jah sabar menghadapi kerenah suaminya Seman yang tidak bertanggungjawab terhadap keluarga.

Novel Tingkatan 5 - Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip

1. Nilai kasih sayang

- Embong dan Saleha sangat menyayangi anak-anak mereka walaupun kehidupan mereka miskin.
- Dahlia sanggup curi-curi keluar dari asrama dan terus ke Hospital Permai untuk melawat ibu yang sedang dirawat kerana masalah mental.

2. Nilai kegigihan

- Dahlia gigih mengulang kaji pelajaran walaupun ketika berada di pusat pemindahan banjir yang tidak selesa.

3. Nilai kebijaksanaan

- Dahlia bijak menguruskan masa untuk mengulang kaji pelajaran dan menjaga adik-adiknya, walaupun hidup dalam kemiskinan.

4. Nilai keberanian

- Dahlia berani terjun ke dalam sungai yang berarus deras dan berkeladak untuk menyelamatkan Said yang lemas.

5. Nilai kesetiaan

- Kavita dan Najib berkunjung ke rumah Dahlia untuk bertanya khabar Dahlia yang tidak hadir ke sekolah. Kavita juga membuat salinan (fotostat) nota pelajaran untuk Dahlia.

6. Nilai keprihatinan

- Dahlia yang bimbang akan keadaan Nek Kiah yang tidak kelihatan selama beberapa hari terus pergi ke rumah neneknya untuk memastikan keadaan neneknya selamat.

7. Nilai ketabahan

- Dahlia tabah menghadapi pelbagai masalah keluarga seperti kemiskinan, kesihatan ibu bapanya, masalah penjagaan adik-adiknya yang masih kecil ketika ibu bapanya sakit dan tanggungjawabnya sebagai seorang pelajar.

- (b) Berdasarkan **dua** buah novel yang anda kaji, jelaskan **satu** peristiwa yang berkaitan dengan perwatakan kebijaksanaan yang terdapat dalam setiap novel tersebut

- **Perwatakan kebijaksanaan – 1m**
- **Peristiwa/ Contoh / Huraian – 2m**

Novel Tingkatan 4 - Jendela Menghadap Jalan karya Ruhaini Matdarin

1. Seorang yang bijak dalam menyelesaikan sesuatu masalah

- Contoh : Peristiwa Lili yang bijak menyelesaikan masalah di kampung datuknya iaitu Kampung Sentosa. Dia bersama dengan rakannya iaitu Geetha dan Danel mewakili golongan remaja yang bekerjasama untuk menyelesaikan masalah orang-orang kampung yang kurang bersetuju dengan pembinaan masjid baharu, sebaliknya hanya mahu kubah dipasang di surau yang sudah lama usianya. Mereka bercadang untuk mengadakan perjumpaan terbuka dengan penduduk kampung bagi menekankan kepentingan membina sebuah masjid baharu berbanding dengan meletakkan kubah di atas bumbung surau. Hasilnya, penduduk kampung bersetuju untuk membina sebuah masjid baharu.
- Contoh : Peristiwa Haji Abdul Rahman iaitu datuk Lili yang bijak dalam membuat tindakan dan tidak bertindak secara terburu-buru dalam menyelesaikan sesuatu masalah. Buktinya, beliau menghadapi tuduhan orang kampung yang mengatakan beliau sebagai pengkhianat bangsa dan berpakat dengan Sugi yang mencadangkan pembangunan di kampung mereka. Datuk bertindak bijak dengan pergi ke pejabat daerah untuk menceritakan perkara sebenar dan menyelesaikan hal tersebut.
- Contoh : Peristiwa datuk Lili yang bijak menyelesaikan masalah berkaitan dengan kes kehilangan kubah surau. Penduduk kampung menuduh Rafik dan Haziq yang mencuri kubah itu. Oleh itu, beliau bertindak dengan membawa Rafik dan Haziq ke rumahnya untuk melindungi mereka daripada dipukul oleh orang kampung yang menuduh mereka sebagai pencuri kubah surau.

2. Seorang yang bijak dalam menyusun strategi

- Contoh : Peristiwa Danel yang bijak menyusun strategi dan membuat perancangan untuk menyelamatkan Lili yang dikurung, diikat dan disembunyikan oleh Rafik dan Haziq di sebuah pondok buruk pada waktu malam. Dia menegah penduduk kampung mencari Lili pada waktu siang kerana bimbang tindakan itu akan diketahui oleh penculik.

3. Seorang yang bijak dalam membuat keputusan

- Contoh : Peristiwa Lili yang bijak dalam membuat keputusan berkaitan tentang masalah orang di kampung datuknya. Dia membantu Che Jah yang hidup menderita akibat sering menjadi mangsa sepak terajang suaminya, Seman yang bersifat panas baran, kaki judi dan pemabuk. Lili membuat keputusan untuk membantu dan menangani kes keganasan rumah tangga yang dilakukan oleh Seman terhadap isterinya, Che Jah dan anak-anak dengan cara menceritakan masalah tersebut kepada Kak Mimah, Penolong Pegawai Kebajikan Masyarakat. Akhirnya, kes tersebut berjaya diselesaikan dengan bantuan Kak Mimah. Suami Che Jah berjaya ditangkap dan dihadapkan ke muka pengadilan
- Contoh : Peristiwa Danel yang bijak membuat keputusan dalam keadaan cemas. Danel tidak bertindak balas terhadap aksi agresif Rafik yang menahan Lili dengan sebilah pisau tajam yang diacukan ke leher Lili demi keselamatan nyawa sahabatnya itu.

4. Seorang yang bijak dalam menuntut ilmu pengetahuan

- Contoh : Peristiwa Geetha yang bijak dalam menuntut ilmu pengetahuan. Dia seorang gadis yang berpendidikan tinggi. Dia bijak dan tekun dalam menuntut ilmu hingga berjaya melanjutkan pelajaran di Universiti Malaya, Kuala Lumpur dalam sbidang kejuruteraan awam. Dia mempunyai banyak cita-cita tetapi cita-cita sebenarnya adalah ingin menjadi doktor bedah.
- Contoh : Peristiwa Lili yang merupakan seorang murid bijak di sekolahnya. Dia sering mendapat keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan, terutama dalam subjek Sejarah. Lili juga bijak berbahasa asing. Dia pandai berbahasa Cina kerana belajar di sekolah aliran Cina. Selain itu, dia menguasai bahasa Thailand, Jepun dan Latin.
- Contoh : Peristiwa Danel yang bijak dan berkebolehan. Walaupun dia lelaki, dia boleh memasak berbagai-bagai resipi masakan yang berasaskan pisang. Dia membawa gulai kari pisang ikan masin yang dimasaknya ke rumah datuk Lili.
- Contoh : Peristiwa Danel iaitu seorang pemuda yang bijak dan berilmu pengetahuan. Dia sedang belajar untuk menjadi penulis rencana. Dia berhasrat untuk mempunyai kolum sendiri dalam surat khabar arus perdana. Dia telah menulis belasan artikel dalam sebuah buku yang berjudul *Segalanya tentang Pisang*.

Novel Tingkatan 5 - Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip

1. Seorang yang bijak dalam menyelesaikan sesuatu masalah

- Contoh : Peristiwa Haji Sulaiman yang bijak menyelesaikan masalah di kampungnya. Dia menggunakan peluang semasa peristiwa banjir berlaku di kampungnya untuk menasihati penduduk kampungnya supaya bersatu semula dan bersikap prihatin akan orang lain. Teguran Haji Sulaiman yang diterima baik oleh penduduk kampung wajarlah dipuji kerana mereka mula bersatu dan bekerjasama membina rumah Embong yang roboh akibat banjir.
- Contoh : Peristiwa Dahlia yang bijak menyelesaikan masalah berkaitan hal pelajarannya. Dia mendapatkan nota daripada kawan-kawannya kerana dia ketinggalan pelajaran setelah beberapa hari tidak hadir ke sekolah.
- Contoh : Peristiwa Dahlia yang bijak berikhtiar untuk mengurangkan bebanan atau masalah yang ditanggung. Setibanya di rumah, Dahlia mendengar tangisan adik bongsunya, iaitu Anggerik. Melati memberitahu Dahlia bahawa emaknya keluar dari rumah dan belum balik. Anggerik menangis kerana tidak mahu minum susu cair yang dibancuh oleh Melati. Di dapur, Dahlia mendapati tin susu Anggerik sudah kosong. Dia meminta Melati ke kedai Tauke Lim untuk membeli susu tepung adik bongsunya dan satu kilogram gula secara berhutang.

2. Seorang yang bijak dalam membuat keputusan

- Contoh : Peristiwa Dahlia yang bijak membuat keputusan untuk keluar asrama dan tinggal di rumah disebabkan masalah keluarganya. Dia sanggup tidak pergi ke sekolah demi memastikan adik-adiknya dapat dijaga dengan baik semasa emaknya dan ayahnya menerima rawatan di hospital. Dia sanggup keluar dari asrama malahan ponteng sekolah beberapa hari untuk menguruskan adik-adiknya di rumah.
- Contoh : Peristiwa Haji Sulaiman iaitu Ketua Kampung dan Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (J.K.K.K.) Parit Haji Rais yang bijak mengambil keputusan sebagai ketua. Apabila isteri Embong iaitu Saleha menghadapi masalah kemurungan, dia membuat keputusan menghantarnya ke Hospital Batu Pahat untuk menerima rawatan lanjut.

3. Seorang yang bijak dalam menuntut ilmu pengetahuan

- Contoh : Peristiwa Dahlia sebagai seorang pelajar yang bijak. Dia menjadi harapan pihak sekolah dan guru kelasnya, Cikgu Hisyam sebagai calon yang bakal memperoleh kecemerlangan dalam peperiksaan STPM. Apabila rakan sekelas membentangkan kertas kerja mereka bagi membincangkan sesuatu isu, dia sering bertanya dan menegur apa-apa perkara yang tidak kena untuk mengukuhkan pemahaman dalam pelajaran.
- Contoh : Peristiwa Dahlia yang digambarkan sebagai seorang murid tingkatan enam yang bijak dan sering mencatatkan keputusan cemerlang dalam peperiksaan penggal dan peperiksaan percubaan STPM sehingga dipilih dan ditawarkan untuk mengikuti kursus Pengurusan Perniagaan peringkat ijazah pertama selama empat tahun di Jepun. Sebelum itu, Dahlia diwajibkan untuk mengikuti kursus bahasa Jepun selama enam bulan di Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

4. Seorang yang bijak dalam menguruskan masa

- Contoh : Peristiwa Dahlia yang bijak membahagikan masanya untuk melakukan kerja-kerja di dapur, menjaga adik-adiknya, dan memperuntukkan masa untuk belajar walaupun ketika itu dia berhadapan dengan situasi yang getir dan hidup dalam kemiskinan.
- Contoh : Peristiwa Dahlia yang bijak menggunakan waktu malam sebagai masa yang sesuai untuk menyiapkan kerja sekolah dan menelaah pelajaran selepas menidurkan adiknya, Anggerik.
- Contoh : Peristiwa Embong yang bijak menguruskan masa dengan baik apabila dia memutuskan untuk turun memetik buah kelapa sawit di Parit Haji Kadir yang terletak dua kilometer dari rumahnya selepas dia selesai menziarahi jenazah Said memandangkan hari masih pagi.

5. Seorang yang bijak mengambil peluang

- Contoh : Peristiwa Tauke Lim iaitu seorang pekedai berbangsa Tionghua yang sangat bijak mengambil peluang dalam menguruskan perniagaannya. Selain membuka kedai runcit, Tauke Lim turut menjual ikan dari rumah ke rumah dengan menggunakan motosikalnya. Dia juga turut memberi sumbangan barang-barang runcit kepada Haji Sulaiman sebagai persediaan untuk majlis sambutan Maulidur Rasul peringkat Kampung Parit Haji Rais.